

Budayakan minat membaca

PPAS mahu jalinan kerjasama NGO, anjur lebih banyak program *Star 8/11/2011 25*

PASIR PANJANG – Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) mengalu-alukan program jalinan kerjasama sebagai medium mendekatkan masyarakat dengan perpustakaan.

Ketua Bahagian Perkhidmatan Daerah Zon (1), Norkhairul Nizam M Sadon berkata, memandangkan PPAS tidak mempunyai peruntukan yang tinggi mengadakan aktiviti, program kerjasama dengan jabatan, agensi dan badan bukan kerajaan (NGO) amat dialu-alukan.

Menurutnya, PPAS tiada halangan terhadap apa sahaja program yang memberi manfaat kepada pen-

duduk setempat.

“Jalinan kerjasama di antara perpustakaan dengan komuniti kampung bukan perkara baru tetapi wujud sejak 17 tahun lalu melalui jawatankuasanya dan pelbagai aktiviti yang telah dijalankan untuk rakyat,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap menyempurnakan program Gerakan Membaca Sabak Bernam di perkarangan Perpustakaan Desa Pasir Panjang di sini.

Katanya, Gerakan Membaca Daerah bertujuan mengajak masyarakat membudayakan minat membaca dan pada masa sama dapat mempromosi-



■ Sebahagian pimpinan masyarakat daerah Sabak Bernam dan penduduk setempat yang menjayakan Program Gerakan Membaca Sabak Bernam.

kan koleksi bacaan yang terdapat di perpustakaan.

“Selain itu, ia juga sebagai platform mendidik pengguna kaedah berkesan

mencari maklumat serta menarik minat orang ramai ke perpustakaan.

“Program ini menjadi penanda aras (KPI) bagi

Seksyen Perkhidmatan Rangkaian Perpustakaan,” katanya.

Norkhairul berkata, tidak dapat dinafi-

kan, bahawa kekangan kewangan menyebabkan masih banyak bangunan perpustakaan yang uzur belum dibaiki.

“PPAS berusaha memastikan lokasinya menjadi tumpuan, di mana semua golongan boleh menjalankan aktiviti bersama,” katanya.

Difahamkan, terdapat 24 pusat perkhidmatan perpustakaan di bawah pengurusan Sabak Bernam iaitu Perpustakaan Daerah Sabak Bernam, Perpustakaan Dataran Sabak Bernam, 19 Perpustakaan Desa PPAS dan tiga perpustakaan Desa Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).